

# Pameran Kartun di UKM (22/10-5/11/1983)

## Dirujuk oleh

- [1983-10-22: Pameran Kartun di UKM](#)

## Keratan Akhbar

*"... Unit Kebudayaan Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengambil daya usaha untuk mengumpulkan para kartunis yang bergiat di sekitar ibu kota dalam satu forum yang diharap mendekatkan para kartunis dengan masyarakat dalam dan luar kampus. Pada 22 Oktober ini, hari Sabtu bertempat di galeri seni Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, Bangi pukul 10.30 pagi satu pameran kartun 83 akan berlangsung dengan dirasmikan oleh Datin Masnah Rais, isteri Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Di pameran itu nanti orang ramai akan berpeluang berkenalan dengan kartunis-kartunis seperti Nan, Lat, kartunis dari Kumpulan Gila-Gila seperti Zainal Buang Hussain, Kerengga, Don dan lain-lain. Beberapa kartunis yang turut mencipta nama dalam alam kartun Malaysia seperti Dino, Annan, Imuda, Yuzal, Zohal akan juga turut berada di luar perasmian itu. Penganjur pameran kartun 83, Encik Zafaruddin bin Zainuddin yang juga dikenali sebagai kartunis Apayee memberitahu bahawa di pameran yang akan berlangsung sehingga 5 November ini orang ramai akan berpeluang melihat lebih 200 buah kartun yang telah dilukiskan selama ini oleh para kartunis tersebut. Di samping itu pengunjung-pengunjung pameran akan turut berpeluang menonton beberapa demonstrasi melukis kartun yang dilakukan oleh kartunis-kartunis. Untuk hidangan istimewa terutama kepada kanak-kanak, satu tayangan filem animasi "Kancil" terbitan Filem Negara akan juga disajikan."*









DATIN Masnah Rais nampaknya begitu terpihat kepada sebuah kartun karya kartunis Kamugulan Gila-Gila di Pameran Kartun '83, di UKM baru-baru ini.



KARTUNIS NAN sedang menurunkan tandatangannya untuk seorang peminat di majlis perasmian Pameran Kartun '83, di UKM, Sabtu lalu.

### Sumber

Keratan	Tarikh	Butiran	Sumber
	1983.10.22	Rashid Haji Ahmad @ Utusan Malaysia, 22 Oktober 1983: " <a href="#">PAMERAN KARTUN DI UKM, BANGI BERMULA HARI INI</a> ".	Profil Kartunis Jon @ Facebook, 13 Mei 2020: " <a href="#">Petikan dari akhbar Utusan Malaysia, 22/10/1983</a> ".
	1983.10.27	Rashid Haji Ahmad @ Utusan Malaysia, 27 Oktober 1983: " <a href="#">Pameran Kartun di UKM Bangi dapat sambutan</a> ".	Profil Kartunis Jon @ Facebook, 13 Mei 2020: " <a href="#">Petikan dari akhbar Urusan Malaysia, 27/10/1983</a> ".
	1983.10.30	Rashid Haji Ahmad @ Mingguan Malaysia, 30 Oktober 1983: " <a href="#">Kartunis lebih popular dari bintang filem</a> ".	Profil Kartunis Jon @ Facebook, 13 Mei 2020: " <a href="#">Keratan akhbar Mingguan Malaysia, 30/10/1983</a> ".
	1983.11.13	Jeniri Amir @ Berita Minggu, 13 November 1983: " <a href="#">Kartun hiburan sambil bentuk peribadi mulia</a> ".	Profil Kartunis Jon @ Facebook, 13 Mei 2020: " <a href="#">Petikan dari akhbar Berita Minggu, 13/11/1983</a> ".

## Koleksi Gambar




**Kiri:** "Pameran Kartun 1983 adalah Pameran Kartun Pertama yang diadakan di Malaysia. Berita Perasmian Pameran adalah Berita Utama Radio jam 1.30 tengah hari pada hari pameran tersebut dirasmikan oleh YBhg Datin Masnah Rais pada 22 Oktober 1983 di Galeri Tun Seri Lanang UKM Bangi. Pameran ini menghimpunkan karya2 dari kartunis2 tempatan yang bernaung di bawah majalah2 humor ketika itu seperti Gila-Gila, Gelihati dan lain2 lagi." (Profil Kartunis Jon @ Facebook, 15 Julai 2020: "[Pameran Kartun 1983](#)").


**Kanan:** "Foto di sebelah kiri ialah Allahyarham Zafaruddin Zainuddin (Apai Apayee) seorg guru atau Pensyarah ketika saya di Jabatan Seni Halus ITM Shah Alam (1978-1981) dan sesama warga kerja UKM sebelum Arwah menamatkan perkhidmatan lebih awal. Dua dari kanan ialah Datuk M Nor Khalid (Lat), Tokoh Seni Lukis Kartun Negara dan seterusnya Sdra Jaafar Taib (paling kanan), Pelopor Majalah Gila-Gila yang mana majalah tersebut masih lagi diterbitkan sehingga sekarang. Lokasi foto tahun 1983 ini ialah di Galeri Tun Seri Lanang UKM Bangi ketika Pameran Kartun Pertama di Malaysia berlangsung. Allahummaghfirlahu warhamhu wa'afih wa'fu anhu.." (Profil Kartunis Jon @ Facebook, 15 Oktober 2020: "[Foto di sebelah kiri ialah Allahyarham Zafaruddin Zainuddin \(Apai Apayee\)](#)").



"Menerima cenderamata penyertaan Pameran Kartun '83 daripada YBhg Datin Masnah Rais pada 22 Oktober 1983 sempena Perasmian Pameran tersebut di Galeri Tun Seri Lanang, UKM Bangi (Foto: PTP UKM)" (Profil Kartunis Jon @ Facebook, 22 Julai 2020: "[Menerima cenderamata penyertaan Pameran Kartun '83](#)" (Gambar kiri), "[Menerima cenderamata penyertaan Pameran Kartun '83](#)" (Gambar kanan)).



Nama: Zuikifil Ibrahim.  
 Nama Samaran: Jon.  
 Lahir: 1959 di Kulim, Kedah.  
 Pekerjaan: Pelukis Grafik.  
 Kartun tersiar: Gellihai!, New Thrill dan Singapore Post.



**Kiri:** "Petikan dari Buku Cenderamata Pameran Kartun '83, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi."  
 (Profil Kartunis Jon @ Facebook, 24 Mac 2020: "[Petikan dari Buku Cenderamata Pameran Kartun '83](#)").  
**Kanan:** "Memori Pameran Koleksi Kartun bersama Chic @ Wait Baharum pada 5 hingga 8 November  
 1986 di Ruang Legar PUSANIKA UKM Bangi, anjuran Unit Kebudayaan HEP UKM" (Profil Kartunis Jon @  
 Facebook, 16 Jun 2020: "[Memori Pameran Koleksi Kartun bersama Chic @ Wait Baharum](#)").

# Kajian

*"Kartun acapkali dirujuk sebagai hiburan ringan yang hanya sesuai untuk golongan remaja atau kanak-kanak menengah rendah. Pendapat umum ini berikutan daripada persepsi majalah kanak-kanak dari Britain yang popular pada akhir tahun enam puluhan, iaitu majalah komik 'Beano' dan 'Dandy'. Namun perspektif ini mulai berubah menjelang tahun-tahun 1980-an. Contohnya pada 22 Oktober 1983, pameran kartun Malaysia yang pertama, telah diadakan di Galeri Seni Tun Seri Lanang, UKM. Pameran ini secara tidak langsung telah membuktikan kepada masyarakat tempatan bahawa kartun juga boleh dianggap sebagai salah satu saluran yang mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat secara serius. Bukan sekadar bahan hiburan semata-mata, malah ia kini sedang giat dijadikan subjek penyelidikan Oleh para akademik untuk mengetahui status pemikiran kemasyarakatan semasa. Contohnya kajian yang telah dijalankan oleh saudara Sabri Haji Said, dengan tajuk penyelidikan 'Kelangsangan dan Fungsi Sosial di dalam Penerbitan Kartun — Tumpuan Kepada Kartun-kartun di dalam Majalah Gila-Gila' (1996). Usaha-usaha ini sejajar dengan misi Persatuan Kartunis Asean untuk meletakkan Malaysia sebagai pengeluar majalah kartun terunggul di Asia Tenggara." (Shahabudin Jurimi @ Universiti Malaya, 2001:*

|

"Pemaparan nilai dalam manga bersiri Doraemon : sebuah analisis kandungan", "BAB 1: PENGENALAN KEPADA PENYELIDIKAN").

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999
Siri Cebisan Sejarah:	Bangi	Gambang	Hutan	Ipoh	Kajang	Kuala Lumpur	Kuantan	Pulau Pinang	Hubungi Kami	

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shahrir <[sazli@pulasan.my](mailto:sazli@pulasan.my)>. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From: <https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link: [https://bangi.pulasan.my/pameran\\_kartun\\_ukm](https://bangi.pulasan.my/pameran_kartun_ukm)

Last update: **2022/03/29 14:53**

